KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **14 JUN 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 3

Penyasaran subsidi diesel

# 198,046 kenderaan awam, barangan terima subsidi diesel

## KPDN jangka permohonan menerusi SKDS terus meningkat hingga 30 Jun ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 198,046 kenderaan awam dan barangan membabitkan 59,940 syarikat telah diluluskan subsidi diesel bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), setakat kelmarin.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata jumlah kelulusan itu secara tidak langsung menunjukkan peningkatan dalam permohonan untuk menyertai sistem berkenaan.

"Sehari sebelum pelarasan harga bermula, iaitu pada 9 Jun lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima keseluruhan permohonan daripada 40,264 syarikat membabitkan 156,242 kenderaan.

"Hingga 12 Jun (kelmarin), jumlah keseluruhan syarikat yang diluluskan subsidi diesel bawah SKDS ialah sebanyak 59,940 membabitkan 198,046 kenderaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



*Armizan Mohd Ali*

### Kelulusan segera

Armizan menjelaskan, pemohon SKDS boleh diberi kelulusan serta-merta melalui sistem MySubsidi Diesel sebaik saja permohonan disertakan dengan maklumat lengkap.

Justeru, beliau berkata, KPDN menjangka permohonan terus meningkat, khususnya hingga 30 Jun ini selaras dengan tarikh akhir pembayaran semula secara tunai kepada penerima SKDS yang masih belum menerima 'fleet card'.

"KPDN menggesa syarikat pengangkutan yang layak supaya segera membuat permohonan melalui pautan: mysubsidi.kpdn.gov.my untuk mendapat manfaat subsidi bersasar yang ditawarkan oleh kerajaan," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan harga diesel diselaraskan mengikut pasaran semasa bermula Isnin lalu, dengan harga permulaan di semua stesen runcit petrol di Semenanjung Malaysia ditetapkan pada RM3.35 seliter.

Bagi mengimbangi kesan kenaikan itu, kerajaan mengamalkan penyasaran subsidi diesel melalui SKDS 2.0, termasuk menetapkan harga kepada sektor yang layak seperti logistik.

Selain itu, bantuan BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan diperuntukkan kepada individu yang layak, termasuk pemilik kenderaan diesel dan petani kecil.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 3




Pengusaha bas ekspres dan bas sekolah masih boleh membeli diesel di bawah harga kawalan, iaitu RM1.88 seliter. (Foto Hiasan)

# Pengusaha bas sekolah, ekspres kekalkan harga tambang

**Kuala Lumpur:** Persatuan pengusaha bas sekolah dan ekspres mengekalkan tambang berikutan kos operasi yang ditanggung mereka masih dalam kawalan serta masih membeli bahan bakar itu di bawah harga pasaran, RM1.88 seliter.

Ia berikutan kebanyakan pengusaha itu yang mempunyai kad 'fleet' menikmati diesel bersubsidi pada harga itu sekali gus membolehkan kos operasi kekal.

Presiden Persekutuan Persatuan Bas Sekolah Malaysia, Amali Munif Rahmat, bagaimanapun berkata ada sebilangan pengusaha belum lagi mendaftar permohonan kad berkenaan berikutan perbezaan harga tidak ketara sebelum penyasaran subsidi diesel RM2.15 seliter berbanding RM1.88 diesel bersubsidi yang bermula Isnin lalu.

"Namun apabila diesel tanpa subsidi ditetapkan pada harga RM3.35 seliter, baru ramai pengusaha mula mendaftar hingga membuatkan sistem dalam talian itu tergendala. Difahamkan pemprosesan setiap permohonan mengambil masa hingga dua bulan.

"Bagaimanapun, setakat ini tambang sekolah yang ditetapkan sendiri antara pengusaha dan ibu bapa tidak berubah kerana bas sekolah antara kenderaan yang layak menerima bantuan kad fleet di bawah program Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kad fleet itu membolehkan pengusaha bas sekolah terus menikmati kuota 1,800 liter diesel sebulan dengan harga RM1.88 seliter yang diperuntukkan di bawah SKDS.

Inisiatif diperkenalkan kerajaan bertujuan mengurangkan beban pengusaha sektor pengangkutan awam darat dan barangan dengan penerima kad fleet boleh membeli diesel di bawah harga runcit.

Mulai Isnin lalu, kerajaan menetapkan harga diesel pada kadar RM3.35 seliter di Semenanjung Malaysia menerusi pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang mampu menjimatkan RM4 bilion setahun.

Selain SKDS, kerajaan juga melaksanakan inisiatif BUDI MADANI yang menyalurkan RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil.

Dalam pada itu, Amali Munif, berkata satu mesyuarat berkaitan diesel juga diadakan hari ini di Putrajaya membabitkan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan.

Dalam pada itu, katanya, walaupun pengusaha bas sekolah bernasib baik kerana menerima subsidi akan berdepan kos penyelenggaraan, alat ganti dan lain-lain.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA), Datuk Mohamad Ashfar Ali, berkata setakat ini tiada keputusan menaikkan tambang ekspres.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 22




*Sulaiman (tengah) dan Chor Kok (tiga dari kanan) bersama rakan kongsi syarikat selepas merasmikan Seminar Pelaburan Kebangsaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)–Persekutuan Pengilang–Pengilang Malaysia (FMM) di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

# 'Subsidi bersasar RON95 mungkin dilaksana Oktober'

## Ahli ekonomi jangka kenaikan kecil 5 hingga 15 sen seliter

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

**Kerajaan** mungkin melaksanakan rasionalisasi subsidi RON95 pada Oktober ini, demikian pandangan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Prof Dr Anthony Dass.

Dass berkata, kenaikan harga runcit bagi RON95 dijangka tidak terlalu mendadak seperti diesel, sebaliknya hanya membabitkan kenaikan lima hingga 15 sen seliter.

Katanya, pada pembentangan Belanjawan 2024, kerajaan menyasarkan penjimatan RM11.5 bilion daripada rasionalisasi subsidi tahun ini dengan pelarasan subsidi elektrik membawa penjimatan RM4 bilion; ayam (RM1.1 bilion hingga RM1.2 bilion) dan diesel (RM4 bilion).

"Kerajaan memerlukan lebih RM2 bilion lagi, saya fikir ia mungkin hadir daripada rasionalisasi subsidi RON95 dan penyelarasan harga RON95 tidak akan terlalu tinggi seperti diesel.

"Ia mungkin berlaku pada Julai, namun saya berpandangan ini terlalu awal, jadi saya rasa ia lebih hampir kepada Oktober untuk memberi ruang mencukupi buat kerajaan melaksanakan analisis impak daripada penyasaran subsidi diesel.

"Peningkatan mungkin lima hingga 15 sen (seliter), kita juga perlu melihat impak kutipan hasil daripada kawasan lain yang mungkin boleh menjadi penimbal (kepada sasaran penjimatan kerajaan)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan pembentangan bertajuk 'Ekonomi Dunia: Cabaran dan Peluang' pada Seminar Pelaburan Kebangsaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)-Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi MIDA, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob dan Naib Presiden FMM, Jacob Lee Chor Kok.

Bermula Isnin lalu, harga diesel di stesen runcit petrol Semenanjung ditetapkan RM3.35 seliter, iaitu harga tanpa subsidi berdasarkan purata Mei 2024 dengan menyaksikan kenaikan 56 peratus berbanding sebelumnya.

### Ekonomi dijangka berkembang

Dalam pembentangannya, Dass berkata, ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih baik tahun ini untuk mencapai pertumbuhan 4.7 peratus, sebelum kadar lebih tinggi sebanyak 4.8 peratus pada 2025.

"Kami menjangkakan kadar inflasi Malaysia tahun ini kekal terkawal pada paras tiga peratus," katanya.

Sementara itu, Sulaiman berkata, persaingan untuk pelaburan global semakin sengit, justeru bagi membina momentum semasa MIDA sedia melaksanakan peranan lebih dinamik dan menarik.

"Tumpuan utama kami adalah pada pelaksanaan menyeluruh semua inisiatif dan mandat kerajaan untuk mencapai hasil diinginkan sejajar agenda negara iaitu Rancangan Malaysia Ke-12, Kerangka Ekonomi MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR).

"Kami berhasrat mewujudkan persekitaran ekonomi teguh, mampan dan berdaya tahan yang boleh menarik dan mengekalkan pelaburan besar, memacu Malaysia ke arah masa depan yang makmur," katanya.

Beliau menjelaskan, komitmen MIDA menjangkau jauh melebihi promosi pelaburan semata-mata, malah turut memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi serantau.

"MIDA juga mempromosi dan memudahkan projek di sepanjang koridor Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) untuk memastikan pertumbuhan seimbang di seluruh Malaysia.

"Dalam usaha kami untuk menggalakkan pelaburan khususnya dalam sektor pembuatan, MIDA dengan kerjasama pihak berkepentingan utama sedang membangunkan piawaian kebangsaan untuk perindustrian, berdasarkan garis panduan daripada Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) dan piawaian lain yang berkaitan.

"Dengan menggalakkan penggunaan teknologi canggih, kami menyasarkan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 4

# 198,046 kenderaan pengangkutan awam, barangan lulus subsidi

**PUTRAJAYA:** Sejumlah 59,940 syarikat diluluskan subsidi diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) melibatkan sebanyak 198,046 kenderaan pengangkutan awam dan barangan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, jumlah itu diluluskan setakat semalam selepas pelaksanaan penyasaran subsidi dan pelarasan harga baharu diesel bermula 10 Jun lalu.

Menurut beliau, kelulusan serta-merta boleh diberikan melalui sistem MySubsidi Diesel sebaik permohonan disertakan dengan maklumat lengkap.

"KPDN merintis perluasan BUDI MADANI : SKDS 2.0 pada 7 Mac lalu yang pada awalnya hanya terbuka kepada sembilan jenis kenderaan pengangkutan barangan.

"Kemudian pada 13 Mei lalu, SKDS 2.0 ditawarkan kepada tambahan 14 jenis pengangkutan barangan menjadikan keseluruhan 33 jenis pengangkutan yang terlibat termasuk penerima awal SKDS 1.0 iaitu 10 jenis kenderaan pengangkutan awam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Armizan berkata, sehari sebelum pelarasan harga bermula, KPDN menerima keseluruhan permohonan daripada 40,264 syarikat yang melibatkan 156,242 kenderaan.

Katanya, kelulusan permohonan meningkat pada kadar tertinggi pada 10 Jun lalu yang merekodkan 8,584 syarikat melibatkan 19,612 kenderaan pengangkutan awam dan barangan.

> **"Jumlah itu diluluskan setakat semalam selepas pelaksanaan penyasaran subsidi dan pelarasan harga baharu diesel bermula 10 Jun lalu."**

"Ini adalah peningkatan sebanyak 7,097 (477 peratus) syarikat dan 16,584 (548 peratus) kenderaan berbanding hari sebelumnya (9 Jun) yang hanya mencatatkan kelulusan permohonan sejumlah 1,487 syarikat dengan melibatkan 3,028 kenderaan," katanya.

KPDN menjangkakan permohonan akan terus meningkat khususnya sehingga 30 Jun ini selaras dengan tarikh akhir pembayaran semula secara tunai kepada penerima SKDS yang masih belum menerima fleet card.

KPDN pada masa sama menggesa syarikat pengangkutan yang layak untuk segera membuat permohonan melalui pautan *https://mysubsidi.kpdn.gov.my* untuk mendapat manfaat subsidi bersasar yang ditawarkan oleh kerajaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 4

Permohonan SKDS dijangka terus meningkat

# 198,046 kenderaan dapat subsidi diesel

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PETALING JAYA** – Sebanyak 198,046 kenderaan pengangkutan awam dan barangan membabitkan 59,940 syarikat berjaya menikmati subsidi diesel setakat kelmarin selepas pemohonan diluluskan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, permohonan menyertai SKDS menunjukkan peningkatan kadar harian yang tinggi setelah pelarasan harga baharu diesel bermula 10 Jun lalu.

Menurutnya, sehari sebelum pelarasan harga bermula iaitu pada 9 Jun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima keseluruhan permohonan daripada 40,264 syarikat melibatkan 156,242 kenderaan.

"Kelulusan permohonan meningkat pada kadar tertinggi pada 10 Jun yang merekodkan 8,584 syarikat melibatkan 19,612 kenderaan pengangkutan awam dan barangan.

"Ini adalah peningkatan sebanyak 7,097 (477 peratus) syarikat dan 16,584 (548 peratus) kenderaan berbanding hari sebelumnya (9 Jun) yang hanya mencatatkan kelulusan permohonan sejumlah 1,487 syarikat melibatkan 3,028 kenderaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kelulusan serta-merta boleh diberikan melalui sistem MySubsidi Diesel sebaik permohonan disertakan dengan maklumat lengkap.

"KPDN jangka permohonan akan terus meningkat khususnya sehingga 30 Jun selaras dengan tarikh akhir pembayaran semula secara tunai kepada penerima SKDS yang masih belum menerima fleet card," ujarnya.

Pada 13 Mei lalu, SKDS 2.0 ditawarkan kepada tambahan 14 jenis pengangkutan barangan, menjadikan keseluruhan 33 jenis pengangkutan yang terlibat.

Antaranya bas perkhidmatan bergerak, lori rigid sampah, lori rigid hasil pertanian, lori katering, van katering dan lori rigid kargo am.



**KETIKA ini harga baharu diesel RM3.35 seliter dan akan diumumkan setiap minggu berdasarkan harga runcit mingguan produk petroleum.** – GAMBAR HIASAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 16

# Lelaki Thailand pandu Proton Waja dicekup cuba seludup petrol



KERETA jenis Proton Waja dipandu seorang lelaki Thailand yang ditahan ketika cuba menyeludup petrol di ICQS Bukit Bunga, Tanah Merah kelmarin. – IHSAN KPDN

**TANAH MERAH** – Cubaan seorang lelaki warganegara Thailand untuk menyeludup 95 liter petrol bernilai lebih RM194 dengan memandu sebuah kereta tidak berhasil apabila dia dicekup ketika cuba melintas sempadan negara melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga di sini kelmarin.

Suspek berusia dalam lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira pukul 5.45 petang oleh sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Kelantan semasa menjalankan pemeriksaan di ICQS Bukit Bunga.

Pengarah KDPN Kelantan, Azman Ismail berkata, semasa pemeriksaan dijalankan terhadap kereta jenis Proton Waja itu, anggota KPDN mendapati kenderaan tersebut mempunyai tangki tambahan.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut kemudiannya menjumpai sebanyak 95 liter minyak petrol di dalam tangki itu.

"Siasatan mendapati, lelaki itu menggunakan pas lawatan sementara untuk masuk ke negara ini sebelum menjalankan kegiatan penyeludupan petrol.

"Kesemua petrol yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM194.75," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azman memberitahu, KPDN Kelantan akan terus membanteras penyelewengan barangan kawalan di sempadan negara bagi memastikan kegiatan itu dapat dibanteras sepenuhnya.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 4




BUAT masa ini, tiada peruntukan subsidi diesel bagi kategori lori membawa bahan binaan.

# Lori angkut bahan binaan tiada subsidi

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pengangkutan (MOT) mengesahkan tiada agihan subsidi diesel bagi kategori lori yang mengangkut bahan binaan buat masa ini.

Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, kategori pengangkutan itu tidak termasuk dalam kumpulan yang menerima subsidi diesel seperti diumumkan kerajaan.

"Lori berkenaan dengan angkut bahan binaan tiada (tidak dapat subsidi). Itu tiada dalam kategori. Kita fokus untuk kategori dinyatakan sahaja.

"Apa yang kita bagi (subsidi) adalah lori-lori yang mengangkut kargo barangan keperluan harian yang mungkin akan ada kenaikan kos kepada pengguna. Jadi itu kita bagi subsidi," katanya pada sidang akhbar semalam.

Berhubung permintaan pengusaha kenderaan, bas dan van pelancong yang juga mahukan agihan subsidi diesel itu, Loke berkata, isu itu akan dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Katanya, beliau turut mengesahkan ada perbincangan antara MOT dan MOTAC berhubung permohonan itu ketika ini.

"Ada perbincangan antara MOT dan MOTAC bagi melihat sama ada dalam tempoh peralihan (penyasaran subsidi diesel) ini dapat membantu mereka (pengusaha pelancongan)," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga mengesahkan, perbincangan kini sedang berlangsung antara MOT, Kementerian Kewangan (MOF) serta pengusaha bas ekspres, bas henti-henti dan bas sekolah bagi melihat pertambahan kuota subsidi diesel.

Harian Metro

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 18

PELAKSANAAN PENYASARAN SUBSIDI DIESEL

# 191 notis terhadap peniaga

Kuala Lumpur

Sebanyak 191 notis dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam Ops Kesan 2.0 susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bermula Isnin lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh dalam kenyataannya semalam berkata, notis itu dikeluarkan hasil pemeriksaan terhadap 346 premis di seluruh negara sejak Isnin lalu yang turut menyaksikan 23 aduan diterima dan tiga kertas siasatan dibuka.

"KPDN ingin mengingatkan khususnya peniaga bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau syarikat yang melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 demi menjaga dan melindungi hak pengguna," katanya.



OPS Kesan 2.0 dilancarkan Sabtu lalu adalah antara persiapan KPDN terhadap pelaksanaan penyasaran subsidi diesel. - Gambar NSTP/WAN NABIL NASIR

Fuziah berkata, kementerian sudah membuat persiapan rapi bagi menangani aduan berkaitan peniaga menaikkan harga pada kadar tidak munasabah terutama membabitkan penerima manfaat penyasaran subsidi diesel selain peniaga yang sedia tidak layak menerima kemudahan itu sebelum penyasaran dilakukan.

Beliau berkata, Ops Kesan 2.0 yang dilancarkan Sabtu lalu adalah antara persiapan kementerian itu terhadap pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Kenyataan sama memaklumkan orang ramai boleh mengemukakan sebarang aduan berkaitan penyasaran subsidi diesel melalui talian khas 012-6654 292 atau melalui aplikasi WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000, menghubungi pusat panggilan 1-800-886-800 selain Portal e-Aduan KPDN di pautan http://eaduan.kpdn.gov.my dan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

Pada Ahad lalu, Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengumumkan harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM3.35 bagi setiap liter iaitu harga pasaran tanpa subsidi bermula 12.01 tengah malam.

Ketika mengumumkan perkara itu, beliau berkata, ia adalah harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata Mei lalu mengikut formula Mekanisme Harga Automatik.

Penetapan harga dan pelaksanaan subsidi diesel secara bersasar dapat memberikan penjimatan sebanyak RM4 bilion setahun di samping dapat mengukuhkan kedudukan kewangan negara untuk jangka panjang. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 12

# KPDN lulus permohonan 198,046 kenderaan sertai SKDS

**SHAH ALAM -** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah meluluskan permohonan sebanyak 198,046 kenderaan untuk menyertai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) setakat 12 Jun 2024.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, sebanyak 59,940 jumlah syarikat telah mendapat kelulusan permohonan subsidi diesel di bawah SKDS.



ARMIZAN

Menurutnya, KPDN menjangkakan permohonan terus meningkat sehingga 30 Jun depan selaras dengan tarikh akhir pembayaran semula secara tunai kepada penerima SKDS yang masih belum menerima *fleet card*.

"Sehingga 12 Jun 2024, jumlah keseluruhan syarikat melibatkan 198,046 kenderaan pengangkutan awam dan barangan telah mendapat kelulusan.

"Kelulusan serta-merta boleh diberikan melalui sistem MySubsidi Diesel sebaik permohonan disertakan dengan maklumat lengkap.

"Pada 13 Mei lalu, SKDS 2.0 telah ditawarkan kepada tambahan 14 jenis pengangkutan barangan menjadikan keseluruhan 33 jenis pengangkutan yang terlibat. Ini termasuk penerima awal SKDS 1.0 iaitu 10 jenis kenderaan pengangkutan awam," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Pada 27 Mei lalu, Kementerian Kewangan (MOF) mengumumkan pelaksanaan Budi Madani iaitu melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi.

Program Budi Madani melengkapi usaha sedia ada kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel menerusi sistem MySubsidi Diesel kendalian KPDN dan pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, pada 9 Jun 2024 pihak KPDN telah menerima keseluruhan permohonan daripada 40,264 syarikat yang melibatkan 156,242 kenderaan.

Tambahnya, kelulusan permohonan meningkat pada kadar tertinggi pada 10 Jun 2024 yang merekodkan 8,584 syarikat melibatkan 19,612 kenderaan pengangkutan awam dan barangan.

Ujarnya, jumlah tersebut terus menunjukkan peningkatan kadar harian yang tinggi setelah pengumuman pelaksanaan penyasaran subsidi dan pelarasan harga baharu diesel bermula pada 10 Jun 2024.

"Pada 10 Jun terdapat peningkatan sebanyak 7,097 syarikat atau 477 peratus dan 16,584 kenderaan bersamaan 548 peratus berbanding hari sebelumnya iaitu 9 Jun yang hanya mencatatkan kelulusan permohonan sejumlah 1,487 syarikat dengan melibatkan 3,028 kenderaan.

"KPDN telah merintis perluasan Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) SKDS 2.0 pada 7 Mac lalu," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 1

# Minimal impact

**While subsidy removal may be seen by some as opportunity to reassess pricing strategies, a hypermarket chain operator believes increase in diesel price will not significantly affect essential goods or living costs.**

Report on > page 2

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 2

# 'Diesel price hike may not significantly affect costs'

BY **SIVANISVARRY MORHAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

> Factors such as market competition, consumer demand elasticity, overall economic conditions play role in determining extent to which businesses can adjust prices: Retailer

**PETALING JAYA:** The increase in diesel price to RM3.35 per litre from RM2.15 is not expected to significantly impact the prices of essential goods or living costs, said Mydin Mohamed Holdings Berhad managing director Datuk Dr Ameer Ali Mydin.

"While certain businesses may interpret the removal of subsidies as an opportunity to justify price hikes, it may also prompt others to reassess their pricing strategies, especially those operating in sectors directly affected by fuel costs and related expenses."

Ameer Ali was responding to vehicle-towing companies, local coffee shops and concrete producers who raised their prices following the diesel price hike.

On the "Budi MySubsidi Diesel" programme for qualified drivers of private diesel vehicles, he said businesses that were not eligible for the subsidy are the ones raising prices.

"However, it is crucial to maintain the perspective that the immediate impact of the diesel subsidy removal may not significantly affect their businesses.

"Factors such as market competition, consumer demand elasticity, and overall economic conditions play a role in determining the extent to which businesses can adjust their prices."

Ameer Ali said many businesses operate within a complex ecosystem, in which they must balance customer loyalty, operational costs, and regulatory requirements.

"We also have laws to control prices of goods and charges for services to prohibit profiteering. This means that decisions regarding price adjustments are often carefully weighed."

He said Mydin intends to hold off on price increases for the moment unless compelled to do so by suppliers, adding that while the removal of subsidies is necessary, it is important for the government to address any leakages in the subsidy system.

"Hopefully, the elimination of subsidies will eventually benefit the B40 segment."

Malaysia Retailers Association manager Suerin Yee declined to comment on the impact of the diesel subsidy removal, on grounds that it is too early to do so.

However, an Indian restaurant owner in Jalan Tengku Kelana, Klang, who gave his name as Gunalan, told *theSun* that most of his vendors and suppliers are planning to raise prices.

"My suppliers have not done so as yet, but they have indicated that prices of spices, vegetables and other raw materials that are not under price control will increase."

Gunalan said the price increase is likely to affect the overall cost of meals at restaurants.

Marketing executive Rutheran Kaliapen, 49, said he is bracing for the worst as the diesel price increase will cause many businesses to raise the prices of their products and services.

"When the Sales and Service Tax came into effect on March 1, prices for tea, condensed milk, coffee, cocoa powder, and many other items went up. Now, with the new diesel price, I am worried about the potential impact on my limited funds."

On Tuesday, Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh said businesses must be careful when raising prices, and that the ministry was investigating complaints of profiteering by a concrete producer.

"The ministry will not hesitate to take action under the Price Control and Anti-Profiteering Act against those raising prices," she said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 9

# PBU24 Suruhanjaya Syarikat Malaysia tarik minat lebih 800 usahawan di Kelantan



PENGANJURAN PBU24 di Kota Bharu, Kelantan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada lebih 800 usahawan untuk menambah ilmu tentang aspek pengurusan perniagaan dan trasformasi ke arah pendigitalisasi.

**KOTA BHARU** – Program Bimbingan Usahawan 2024 (PBU24) peringkat negeri Kelantan yang dianjurkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 5 Jun lalu berjaya menarik lebih 800 penyertaan usahawan.

Tujuan PBU24 diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal dalam bidang perniagaan bagi membentuk budaya keusahawanan yang kukuh.

Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof berkata, inisiatif tersebut bukan sahaja dapat mendedahkan golongan usahawan tentang pengurusan perniagaan yang berkesan, tetapi juga melibatkan aspek pengurusan, pemasaran, operasi, dan strategi.

"Selain memahami ilmu pengurusan perniagaan, saya yakin dan percaya bahawa adaptasi teknologi dan digitalisasi adalah kunci kejayaan perniagaan masa kini," katanya pada Majlis Pelancaran PBU 2024 di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Ahmad Sabki menyampaikan sumbangan wakalah zakat korporat dan sumbangan tanggungjawab sosial korporat CSR syarikat itu.



ZAILANI MAH HALIM

Mengulas lanjut, beliau berkata, dengan menguasai kemajuan teknologi, para usahawan dapat merevolusikan perniagaan mereka dengan mencipta peluang baharu dan menawarkan produk serta perkhidmatan yang lebih baik bagi memastikan perniagaan terus kekal relevan.



AHMAD NADZRI CHE OMAR

"Saya yakin siri pertama PBU24 ini mampu mencapai objektif yang ditetapkan di samping menjadi platform terbaik untuk meneroka dan mempelopori ilmu keusahawanan dengan menggabungkan pengetahuan perniagaan kontemporari dengan teknologi dan digitalisasi terkini.

"Kita (SSM) turut menawarkan dan memberi galakan kepada golongan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sepenuh masa untuk mendaftarkan perniagaan secara percuma melalui Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang mengecualikan fi pendaftaran dan maklumat perniagaan.

"Sehingga 30 April 2024, jumlah pendaftaran SPPP adalah sebanyak 110,004 terdiri daripada 53,421 pelajar IPT sepenuh masa dan 56,583 usahawan kumpulan B40," kata beliau.

Oleh itu, beliau berharap peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang dan inisiatif yang ditawarkan SSM melalui program tersebut dengan mendaftarkan perniagaan masing-masing.

Menurut beliau, memiliki entiti perniagaan yang sah adalah penting untuk memberikan keyakinan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan.

Katanya, perniagaan yang sah juga memberi manfaat untuk usahawan merebut pelbagai bantuan, malah turut berpeluang menyertai latihan keusahawanan yang disediakan oleh kerajaan atau agensi-agensi berkaitan.




PENGERUSI SSM, Ahmad Sabki Yusof (enam dari kiri) bersama penerima sumbangan wakalah zakat korporat SSM di Kota Bharu baru-baru ini.

"Selain itu, pendaftaran ini membolehkan akaun semasa perniagaan didaftarkan dengan mudah dan memberikan kebolehan mewujudkan kontrak atau perjanjian perniagaan dengan lebih lancar.

"Oleh itu, saya amat menggalakkan para peserta untuk menyertai sesi bimbingan, perbincangan dan sesi interaktif yang dijalankan dalam program ini dengan memberi perhatian penuh serta sokongan antara satu sama lain," kata beliau.

Peserta juga boleh berkongsi pengalaman dan mempelajari strategi terbaik dalam menghadapi cabaran perniagaan.

Sementara itu, seorang peserta yang juga penerima Agihan Wakalah Zakat Korporat SSM, Zailani Mah Halim, 50, berkata, dia amat bersyukur kerana terpilih menerima zakat tersebut.

"Sebelum ini, saya merupakan pemborong barangan plastik, namun selepas diserang angin ahmar pada tahun lalu, saya tidak berupaya melakukan kerja dan hilang punca pendapatan.

"Alhamdulillah saya menerima bantuan zakat RM1,000 daripada pihak SSM dan wang ini dapat membantu meringankan beban kewangan yang kini ditanggung sepenuhnya oleh isteri, Che Norlizawai Che Mohd Nor, 42," katanya.

Menurut Zailani, melalui program bimbingan kali ini yang diadakan di Kelantan, ia bukan sahaja membuka peluang kepada lebih ramai usahawan, malah ilmu yang diperoleh itu dapat mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih baik.

Sementara itu, peserta program tersebut, Ahmad Nadzri Che Omar berkata, inisiatif SSM kali ini telah memberi banyak maklumat berguna buat usahawan di Kelantan.

"Terima Kasih pihak SSM atas pendedahan termasuk aplikasi TikTok supaya produk kami dapat diperkenalkan dengan lebih meluas lagi.

Beliau yang juga Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga di Pasar Siti Khadijah itu menerangkan, usaha memperkenalkan produk dan perkhidmatan perlu mengikut peredaran masa dan penggunaan aplikasi media sosial seperti TikTok dan Facebook dilihat [illegible] begitu bermanfaat dalam mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih jauh.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 11

# Terap pelbagai langkah proaktif tangani kesan subsidi diesel

Oleh Dr Zarul Khaliff Kamal
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Sekolah Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia

**Subsidi** diesel bersasar dilaksanakan baru-baru ini, adalah bantuan kewangan diberikan kerajaan kepada kumpulan tertentu, seperti isi rumah warganegara Malaysia berpendapatan rendah dan sederhana, iaitu golongan isi rumah B40 dan M40.

Perkara ini berbeza dengan subsidi diesel pukul yang memberi manfaat dengan mengurangkan harga diesel untuk semua pengguna tidak kira berapa pendapatan bulanan isi rumah.

Matlamat utama adalah untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan, menggalakkan penggunaan bahan api cekap, dan meminimumkan kesan buruk penggunaan diesel terhadap alam sekitar.

Selain itu, subsidi diesel bersasar juga mampu mengurangkan pembaziran serta ketirisan dan penyelewengan diesel berakar sejak sekian lama. Secara tidak langsung, hal ini dijangka dapat meningkatkan kestabilan ekonomi secara am.

Akhir sekali, subsidi bersasar dapat menggalakkan penggunaan amalan dan teknologi penjimatan bahan api menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Bagaimanapun, pendekatan baharu subsidi ini pasti menimbulkan kekeliruan dan rasa sangsi rakyat khasnya golongan sasar. Sekurang-kurangnya terdapat tiga langkah wajar dinilai setiap isi rumah bagi mengurus subsidi diesel bersasar.

Langkah pertama untuk memanfaatkan subsidi diesel bersasar adalah menyedari ketersediaan kerajaan membantu golongan B40 dan M40. Isi rumah seharusnya menyemak kriteria kelayakan menerima bantuan kerajaan bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup yang dijangka meningkat.

Kerajaan dan agensi berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sering menyediakan maklumat dan notis rasmi di laman web dan media sosial serta program jangkauan komuniti.

Selain individu dan isi rumah, perniagaan kecil harus kerap memeriksa kemas kini maklumat dan memastikan mereka memenuhi syarat kelayakan untuk mendapat manfaat daripada subsidi ini.

## Sesuaikan bajet keluarga

Kedua, meskipun ada pandangan minoriti mengatakan subsidi diesel bersasar tidak memberi kesan terhadap kenaikan harga barang terutama bagi isi rumah Sabah, Sarawak dan Labuan, lebih baik sekiranya isi rumah mengambil kira kesan berantai mungkin berlaku.

Hal ini bermaksud isi rumah, terutama di Semenanjung perlu menyesuaikan bajet keluarga untuk mengambil kira kenaikan kos asas seperti makanan akibat kenaikan kos logistik dalam sektor pertanian.



*Isi rumah perlu merancang kewangan bagi menghadapi kesan subsidi diesel bersasar.* (Foto hiasan)

Isi rumah perlu bersedia dengan kenaikan harga barang. Bagi perniagaan kecil, mekanisme penggabungan subsidi ke dalam rancangan kewangan akan mengurangkan kos modal diperlukan bagi kemampanan operasi serta dapat meminimumkan kos pengeluaran produk.

Ketiga, bagi meminimumkan kesan subsidi diesel bersasar, sudah tiba masanya isi rumah B40 dan M40 merancang perjalanan untuk mengurangkan perjalanan kenderaan diesel. Sekiranya berkemampuan, isi rumah B40 dan M40 boleh mula beralih kepada kenderaan menggunakan petrol.

Selain itu, amalan norma rakyat Malaysia seperti berkongsi kereta, pengangkutan awam, berbasikal atau berjalan kaki untuk jarak pendek boleh mengurangkan lagi pergantungan kepada diesel atau petrol dan meningkatkan penjimatan.

Bagi perniagaan kecil, terutama dalam bidang logistik dan pengangkutan, langkah seperti mengoptimumkan laluan dan menyelenggara kenderaan secara berkala boleh mengurangkan perbelanjaan keseluruhan mereka dan memaksimumkan manfaat subsidi.

Kesimpulannya, subsidi diesel bersasar bukan satu isu baharu, bahkan sudah lama dibangkitkan oleh pemimpin kerajaan. Isi rumah B40 dan M40 memerlukan pendekatan pelbagai langkah proaktif untuk mengatasi kesan subsidi diesel bersasar terhadap ekonomi isi rumah.

Dengan perancangan dan literasi kewangan yang baik, menjana pendapatan tambahan, gaya hidup berhemat serta bantuan kerajaan, kita dapat mengurangkan impak kenaikan kos sara hidup dan memastikan kemiskinan tidak diwarisi generasi akan datang.

Pemikiran Baharu
Utusan Malaysia

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 32

# Penyeludup tukar diesel kepada petrol

**RANTAU PANJANG:** Pelarasan subsidi diesel yang dikuatkuasakan sejak Isnin lalu menyaksikan kumpulan penyeludup mula mengubah taktik dengan menyeleweng bahan api petrol.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penyeludup yang mahu dikenali sebagai Mad, 42, berkata, tindakan kerajaan itu menyebabkan tauke-tauke diesel mendapat keuntungan lebih kecil berbanding sebelum ini.

"Semasa kerajaan ikat harga diesel RM2.15 seliter, pendapatan yang kami peroleh agak lumayan, namun ketika ini permintaan terhadap diesel mulai turun.

"Sejak kelmarin ada dalam kalangan rakan-rakan mula mengubah dengan menyeludup minyak petrol," katanya.

Mad memberitahu, permintaan terhadap petrol masih lagi tinggi disebabkan oleh harga bahan api itu masih lagi murah.

Katanya, permintaan daripada penduduk di negara jiran mendorong kepada penyeludupan.

"Biasanya petrol ini dibeli oleh penduduk berpendapatan rendah menggunakan motosikal di kawasan sempadan Thailand-Malaysia.

"Harga murah ini banyak membantu meringankan beban mereka yang berpendapatan rendah," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan, Kabinet bersetuju melaksanakan pelarasan subsidi bahan api bermula dengan diesel membabitkan pengguna di Semenanjung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dengan usaha penyasaran subsidi diesel ini, jumlah penjimatan kepada kerajaan adalah dijangka (secara kasar) sekitar RM4 bilion setahun.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 32

# Alasan selaras subsidi naik harga ayam

Oleh ZAID MOHD. NOOR, BADRUL HAFIZAN MAT ISA, SAFINA RAMLI, LIYANA RAMLI dan AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my



PARA peniaga ayam dikatakan menjadikan alasan pelarasan subsidi diesel untuk menaikkan harga ayam.

**PETALING JAYA:** Para peniaga ayam menjadikan alasan pelarasan subsidi diesel sejak Isnin lalu untuk menaikkan harga bahan mentah itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati harga ayam di beberapa negeri naik antara 20 sen hingga 30 sen.

Di **Negeri Sembilan**, berlaku kenaikan harga ayam segar sebanyak 20 sen sejak hari pertama pelarasan subsidi diesel dilaksanakan pada 10 Jun lalu.

Bagaimanapun menurut seorang peniaga ayam di Pasar Ampangan, Alizan Tambi, 53, kenaikan tersebut bukanlah mendadak kerana harga yang diterimanya daripada pembekal naik sebanyak lima kali sepanjang sebulan lalu.

"Apabila diumumkan tentang pelarasan subsidi diesel pada 9 Jun lalu, keesokannya harga ayam diterima daripada pembekal juga naik sebanyak 20 sen iaitu kepada RM7.40 sekilogram berbanding RM7.20 sekilogram.

"Kita pun tahu apabila kawalan harga bagi ayam tamat tahun lalu, harga memang ada turun dan naiknya. Namun sejak sebulan lalu, harga ayam naik berturut-turut sebanyak lima kali.

"Harga yang kami jual iaitu RM10.90 sekilogram kepada pengguna juga masih boleh diterima iaitu dengan margin keuntungan yang memadai," katanya.

Sementara itu, tinjauan di beberapa pasar raya di Sikamat dan Senawang mendapati harga ayam segar dijual antara RM8.19 hingga RM8.90 sekilogram.

Di **Perak**, harga jualan ayam segar mencatat kenaikan di beberapa tempat.

Seorang peniaga di Pasar Awam Teluk Intan, Yusri Sanusi, 36, berkata, jualan ayam segar naik 20 sen daripada RM10.80 kepada RM11 sekilogram.

"Pembekal memberi alasan kenaikan harga disebabkan kos pengangkutan meningkat disebabkan kenaikan harga diesel," katanya.

Sementara itu, di Pasar Batu Gajah, peniaga berkata, harga jualan ayam segar naik 20 sen sebelum pelarasan subsidi diesel dilaksanakan.

Peniaga, Muhammad Taufiq Meor Saradi, 27, harga ayam segar daripada pembekal kepada peruncit RM7.80 sekilogram manakala harga jualan RM12.

"Harga tersebut naik 20 sen iaitu dari RM7.60 kepada RM7.80 pada 9 Jun sehari sebelum harga pelarasan subsidi diesel dilaksanakan.

"Semalam memang ada dengar harga ayam segar akan naik 30 sen sekilogram tetapi setakat hari ini tak naik lagi.

"Risau juga takut pembeli terkejut tengok harga naik dan orang tak beli ayam, akhirnya mereka beli ayam sejuk beku," katanya.

Di **Terengganu**, pengguna merungut dan melahirkan kebimbangan harga ayam segar akan terus meningkat menjelang Hari Raya Aidiladha, Isnin ini.

Seorang pengguna, Azizul Mamat, 43, berkata, harga ayam segar kini dijual RM10.50 sekilogram iaitu kenaikan 30 sen berbanding lebih dua minggu lalu berharga RM10.20 sekilogram.

Menurutnya, pihak berkuasa sepatutnya memastikan tidak berlaku kenaikan harga ayam segar di pasaran terutamanya selepas pelarasan subsidi bahan api tersebut.

"Saya terkejut apabila harga ayam segar naik pada hari pertama pelarasan subsidi diesel lagi sedangkan kerajaan sebelum ini memberi jaminan tidak berlaku kenaikan harga barangan keperluan yang membebankan pengguna," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga di sini, semalam.

Di **Pulau Pinang**, pengguna di negeri ini mungkin terpaksa membeli ayam dengan harga tinggi yang dikaitkan dengan kenaikan harga diesel bermula Isnin lalu.

Seorang peniaga ayam, Mohd. Nasir Abdul Kalam berkata, sebelum kenaikan harga diesel lagi mereka terpaksa mendapatkan ayam pada harga agak tinggi.

"Sekarang pun harga ayam tinggi, kebanyakan peniaga memperoleh ayam dengan harga RM9.20 sekilogram dan menjual ayam pada harga antara RM11 hingga RM12 sekilogram.

"Kami tidak pasti bila harga berkenaan akan dapat bertahan selepas kenaikan harga diesel ini," katanya di sini.

Menurutnya, sebelum ini harga ayam dikawal dan peniaga boleh mendapat bekalan ayam pada harga RM8.70 sekilogram.

Dalam pada itu, katanya, bekalan ayam untuk musim perayaan Hari Raya Aidiladha dijangka mencukupi dan pengguna tidak perlu bimbang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT

TARIKH: 14/6/2024

M/SURAT: 15

# Pengusaha bas sekolah, ekspres berdepan gulung tikar

**ISKANDAR PUTERI** – Pengusaha bas sekolah dan bas ekspres dikhuatiri berdepan kerugian dan lebih buruk berpotensi untuk gulung tikar kerana kuota diesel yang diperolehi industri pengangkutan awam tidak mencukupi.

Sehubungan itu, Pengerusi Sekretariat Gabungan Bas Malaysia (SGBM), R. Thiagarajan meminta kerajaan untuk mengkaji semula pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) khususnya membabitkan pemberian kuota tersebut.

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Manfaat Pengusaha dan Pemandu Bas Negeri Johor berkata, kajian mengenai keperluan sebenar pihak industri perlu dilakukan dan bukan terus menetapkan kuota tanpa perbincangan atau persetujuan pemain industri.

"Ia perlu mengambil kira keperluan sebenar sesebuah jenis pengangkutan yang ditawarkan SKDS bukannya mengikut keperluan yang fikirkan sesuai untuk kerajaan.

"Justeru, kuota yang diberikan kepada pengangkutan awam perlu dikaji semula supaya pemain industri dapat menampung kos operasi bulanan tanpa perlu menanggung kos selepas kuota diesel diberikan habis," katanya kepada pemberita di sini.

Ahad lalu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengumumkan harga diesel di semua stesen runcit di Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 seliter, harga pasaran tanpa subsidi.

Pelaksanaan subsidi bersasar antara langkah pembaharuan kerajaan di bawah rangka kerja Ekonomi Madani bagi memastikan pengurusan fiskal yang mampan dan menangani isu ketirisan serius dalam sistem tanpa menjejaskan kebajikan rakyat.

Selaras dengan langkah itu, pengguna yang layak menerima bantuan tunai Budi Madani sebanyak RM200 sebulan.

Mengulas lanjut, Thiagarajan berkata, pihaknya amat risau kerana percaya kuota bulanan ditawarkan iaitu 1,800 liter bagi bas sekolah dan 2,880 bagi bas ekspres tidak dapat bertahan untuk sebulan bahkan perlu mengeluarkan kos tambahan.

Oleh sebab itu, katanya, keperluan sebenar pihak pengusaha perlu dipertimbangkan dengan menawarkan kuota yang cukup dan konsisten.

"Kami faham serta menyokong langkah kerajaan Madani melaksanakan langkah tersebut tetapi ia tidak seharusnya mengakibatkan pengusaha bas terbabit terjejas dan berdepan kerugian.

"Justeru, pihak persatuan berharap supaya cadangan dan pandangan penggiat industri perlu diambil kira bagi memastikan mereka dapat terus bertahan dan bukannya menjadi mangsa keadaan dalam pelaksanaan dasar baharu ini," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 12

# Harga barang binaan naik

Pembekal sudah tetap harga baharu, kenaikan hampir 30 peratus

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM



> *"Pembekal juga sedang mengugut tidak akan menghantar bekalan sekiranya cadangan harga baharu tidak diikuti."*
> - Azman

Harga barangan bagi sektor pembinaan meningkat hampir 30 peratus susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel baru–baru ini.

Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM), Datuk Azman Yusoff berkata, peningkatan tersebut boleh dikatakan sebagai yang tertinggi dalam sejarah, malah pihak pembekal turut menetapkan harga-harga yang baharu bagi barangan pembinaan sejak Isnin lalu.

"Pembekal juga mengugut tidak akan menghantar bekalan sekiranya cadangan harga baharu tidak diikuti.

"Pihak kami merayu agar agensi kerajaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pantau segera pembekal yang ambil kesempatan atas kenaikan diesel itu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Tambah Azman, golongan kontraktor G1 hingga G7 antara kumpulan yang paling terkesan akibat situasi peningkatan harga barangan tersebut.

Menurutnya, kos pembinaan pasti akan meningkat dan dikhuatiri beberapa projek juga bakal lewat siap sekali gus menyebabkan kontraktor mengalami kerugian besar.

"Selain itu, berlaku juga kenaikan sewaan perkakasan mesin seperti jentera berat, jentera eskavator, jengkaut dan penurap, bagi projek infrastruktur.

"Harga bahan mentah iaitu campuran siap konkrit dan bahan- bahan binaan untuk kerja bangunan dan jalan turut meningkat sebanyak 30 peratus," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 12

# Kenderaan bawa bahan binaan patut dapat subsidi diesel



OLIVER

**SHAH ALAM** - Kenderaan yang digunakan untuk membawa bahan binaan sepatutnya layak mendapat subsidi diesel berikutan kos bahan api itu meningkat.

Menurut kenyataan bersama oleh Presiden Persatuan Pembina Induk Malaysia (MBAM), Oliver Wee dan Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM), Datuk Azman Yusoff, kos bahan binaan seperti produk kuari dan konkrit siap campur meningkat apabila subsidi diesel ditarik balik di Semenanjung Malaysia, Isnin lalu.

"Situasi ini secara tidak langsung menjejaskan industri. Oleh itu, MBAM dan PKBM bersama 40 ahli gabungan MBAM menggesa kerajaan memasukkan jenis kenderaan berkaitan yang membawa bahan seperti produk kuari dan konkrit siap campur, serta kren ke dalam sistem *fleet card*.

"Ini akan membolehkan keseimbangan dicapai iaitu antara mencapai objektif rasionalisasi dan mengurus kos pembinaan masa depan, terutamanya dalam kalangan kontraktor kecil," kata kenyataan itu pada Khamis.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengeluarkan notis kepada mana-mana pihak yang menaikkan harga perkhidmatan susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar
HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 16

# Diesel hike a prickly matter

## Higher transport costs for durian sellers due to fuel price increase

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my



**Still selling well:** Ang (left), with his employee, arranging durian brought from Balik Pulau every day to be sold at his stall near Bandar Tasek Mutiara in Simpang Ampat. — ZHAFARAN NASIB/The Star

NIBONG TEBAL: Durian sellers, especially those from mainland Penang, are already feeling the pinch of transporting the fruit from Balik Pulau, no thanks to the diesel price increase.

However, the good news is that prices for the fruit have not increased so far.

William Ang, 31, who collects durian from orchards up the hills in Balik Pulau, some 50km away, said the price hike will be difficult to bear.

"To keep the durian fresh, we must collect them daily. We can only do this by driving a pickup truck to the orchards and loading the fruits.

"Not only do we drive up the hills in Balik Pulau – the journey also includes driving across the second Penang Bridge, which is about 20km long.

"The usual RM100 worth of diesel that would usually last me three days can now only sustain me for two days," he said when met at his stall in Tasek Mutiara.

Ang said although the government's decision to withdraw the subsidy for diesel was supposed to be a good move to help the country save money and channel the money towards better causes, it definitely has an impact on people like him.

"I haven't received any subsidies or aid yet. But the price of diesel is suddenly so expensive.

"The RM200 subsidy under the Budi Madani programme will not be enough to cover a fraction of our expenses.

"Yet, I cannot increase the retail price of my durian as variants such as the Black Thorn already cost RM85 per kg now.

"My customers would run away if I sold the durian for over RM100 per kg!"

With the upcoming Sungai Bakap by-election, Ang hopes that the new assemblyman would help voice out the plight of low-income groups.

Another trader, Ibrahim Saad, 62, whose stall is not far from Ang's and who also sources his durian from Balik Pulau, said he is lucky that his durian supplier understands.

"I told my supplier that if diesel costs too much for me to use my truck to pick up the fruits, I wouldn't be able to do so often.

"However, he was considerate and provided me with additional stock for free to help me increase my income.

"Although I still pay about the same amount to him for each load of durian, at least I have more to sell, and this helps me cover my daily fuel expenses."

On Sunday, Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan announced the implementation of targeted diesel subsidies beginning June 10, which would result in the government saving approximately RM4bil per year, strengthening the country's financial position.

Diesel prices floated on Monday, retailing at RM3.35 per litre.

This was based on the unsubsidised market-price, according to the Automatic Price Mechanism formula for last month.

For those in Sabah, Sarawak and Labuan, the price remains at the subsidised rate of RM2.15.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: JUMAAT
TARIKH: 14/6/2024
M/SURAT: 2

# Low impact on inflation from diesel price hike

## Fuel has small weightage on consumer price index

**ECONOMY**

By DOREENN LEONG
doreenn@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The inflationary impact from the one-off diesel subsidy rationalisation measure by the government is likely contained, given diesel's small 0.2% weight in the consumer price index (CPI) basket.

However, there are concerns about businesses finding loopholes or excuses to raise prices indiscriminately to reflect the purported higher cost of doing business with the diesel price hike.

That said, Finance Ministry Treasury Secretary-General Datuk Johan Mahmood Merican believes the targeted inflation rate will not be revised upwards following the removal of the diesel subsidy.

"Yes we have increased diesel prices quite sharply from RM2.15 to RM3.35 per litre, but at the same time, we are allowing the logistic vehicles to continue (buying diesel) at RM2.15.

"In fact, there are 400,000 logistic vehicles and the compensation for individuals is another 300,000. So, we have actually covered half of the diesel" vehicles in Peninsular Malaysia. That mitigates the headline number.

"Without giving a specific number, suffice to say that what has been done for diesel targeting, the impact on inflation is such that it will still remain within the official band that we are targeting for 2024 – 2% and 3.5%," he said during a panel session at the Bank Negara Malaysia Sasana Symposium 2024 yesterday.

> "The impact on inflation is such that it will still remain within the official band that we are targeting for 2024 – 2% and 3.5%."
>
> Datuk Johan Mahmood Merican

Second Finance Minister Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the diesel price in Peninsular Malaysia would rise by 55.8% to the market rate of RM3.35 per litre, starting from June 10, while in Sabah and Sarawak, it will remain subsidised at RM2.15 per litre.

Under the targeted scheme, certain logistic vehicles, public transport and emergency vehicles, and fishermen will also be eligible for subsidised prices.

The government has introduced Budi Madani with the provision of a monthly RM200 cash subsidy for eligible groups, such as farmers, smallholders and private diesel vehicle owners.

This initiative is part of the government's efforts to ensure that subsidy allocations are targeted at eligible groups, covering individual assistance (Budi Individu), farmers and smallholders (Budi Agri-Komoditi) and companies and transport vehicles (MySubsidi Diesel).

The government expects to save RM4bil per annum from this move that plugs leakages of subsidised diesel.

According to Bursa Malaysia chairman Tan Sri Abdul Wahid Omar, the government can get the buy-in from the public if it can show how the savings are allocated.

"If the government can demonstrate that with the savings of RM4bil from the diesel subsidy rationalisation, part of it goes to the fiscal deficit and the rest of it goes towards building hospitals, schools, improving roads, etc, then people will be more receptive to the government's efforts," he said.

All eyes will be on the next reform and the savings that would arise from the unwinding of blanket RON95 subsidies. The timing and magnitude of this adjustment remain uncertain, although it is largely expected to be carried out next year.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 14 JUN 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 14-Jun | Kerajaan teliti penambahbaikan kepada SKDS | https://www.suarakeadilan.my/post/kerajaan-teliti-penambahbaikan-kepada-skds | SUARA KEADILAN |
| 14-Jun | Pengapungan harga, penyasaran subsidi diesel punca kenaikan mendadak kos perniagaan | https://www.malay.news/pengapungan-harga-penyasaran-subsidi-diesel-punca-kenaikan-mendadak-kos-perniagaan/ | MALAY NEWS |
| 14-Jun | Pengapungan harga, penyasaran subsidi diesel punca kenaikan mendadak kos perniagaan | https://malaysiagazette.com/2024/06/13/pengapungan-harga-penyasaran-subsidi-diesel-punca-kenaikan-mendadak-kos-perniagaan/#google_vignette | MALAYSIA GAZETTE |
| 14-Jun | Ops Kesan 2.0: KPDN keluar 191 notis, buka 3 kertas siasatan | https://www.suarakeadilan.my/post/ops-kesan-2-0-kpdn-keluar-191-notis-buka-3-kertas-siasatan | SUARA KEADILAN |
| 14-Jun | KPDN keluar 191 notis kepada peniaga | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-keluar-191-notis-kepada-peniaga/ | WILAYAHKU |
| 14-Jun | KPDN luluskan 198,046 kenderaan terima subsidi diesel setakat semalam | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-luluskan-198-046-kenderaan-terima-subsidi-diesel-setakat-semalam | BERITA RTM |
| 14-Jun | Statistik Pelaksanaan OPS KESAN 2.0 Susulan Penyasaran Subsidi Diesel | https://siakapkeli.my/2024/06/13/statistik-pelaksanaan-ops-kesan-2-0-susulan-penyasaran-subsidi-diesel | SIAKAP KELI |
| 14-Jun | Warga asing kantoi guna kereta tempatan seludup petrol | https://www.sinarharian.com.my/article/669830/berita/semasa/warga-asing-kantoi-guna-kereta-tempatan-seludup-petrol | SINAR HARIAN |
| 14-Jun | Warga asing guna kenderaan tempat seludup petrol | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/warga-asing-guna-kenderaan-tempat-seludup-petrol/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Jun | Protecting Sabah traditional knowledge | https://www.dailyexpress.com.my/news/235926/protecting-sabah-traditional-knowledge/ | DAILY EXPRESS |
| 14-Jun | Imigresen, JPJ, kastam paling banyak aduan salah laku integriti | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1258243/imigresen-jpj-kastam-paling-banyak-aduan-salah-laku-integriti | BERITA HARIAN |
| 14-Jun | KPDN tak respon permohonan PPLTM minta diesel bersubsidi – Michael | https://malaysiagazette.com/2024/06/13/kpdn-tak-respon-permohonan-ppltm-minta-diesel-bersubsidi-michael/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 14-Jun | Subsidi bersasar wajar, lama tersalur kepada golongan mewah | https://www.sinarharian.com.my/article/669863/berita/nasional/subsidi-bersasar-wajar-lama-tersalur-kepada-golongan-mewah | SINAR HARIAN |
| 14-Jun | Syarikat trak tunda umum naikkan harga khidmat diberi notis | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1258269/syarikat-trak-tunda-umum-naikkan-harga-khidmat-diberi-notis | BERITA HARIAN |
| 14-Jun | Towing company issued notice for increasing service charges due to targeted diesel subsidy - KPDN Johor | https://thesun.my/local-news/towing-company-issued-notice-for-increasing-service-charges-due-to-targeted-diesel-subsidy-kpdn-johor-DB12574698 | THE SUN |
| 14-Jun | Polis selamatkan tiga lelaki dijadikan buruh paksa | https://malaysiagazette.com/2024/06/13/polis-selamatkan-tiga-lelaki-dijadikan-buruh-paksa/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 14-Jun | Penang police rescue three foreigners from forced labour | https://thesun.my/local-news/penang-police-rescue-three-foreigners-from-forced-labour-GB12575120 | THE SUN |
| 14-Jun | Polis selamatkan tiga lelaki mangsa eksploitasi buruh paksa | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-selamatkan-tiga-lelaki-mangsa-eksploitasi-buruh-paksa-474722 | ASTRO AWANI |
| 14-Jun | Polis selamatkan tiga lelaki mangsa eksploitasi buruh paksa | https://www.sinarharian.com.my/article/669929/berita/semasa/polis-selamatkan-tiga-lelaki-mangsa-eksploitasi-buruh-paksa | SINAR HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Jun | Kenderaan bawa bahan binaan patut dapat subsidi diesel | https://www.sinarharian.com.my/article/669892/berita/nasional/kenderaan-bawa-bahan-binaan-patut-dapat-subsidi-diesel | SINAR HARIAN |
| 14-Jun | Hanya lori kargo terima subsidi diesel – Anthony | https://mgperak.com/hanya-lori-kargo-terima-subsidi-diesel-anthony/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 14-Jun | About 60,000 companies getting diesel subsidy, says Armizan | https://www.themalaysianinsight.com/s/484231 | THE MALAYSIA INSIGHT |
| 14-Jun | 198,046 kenderaan lulus subsidi diesel - KPDN | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/198046-kenderaan-lulus-subsidi-diesel-kpdn-474660 | ASTRO AWANI |
| 14-Jun | Kerajaan luluskan subsidi diesel kepada lebih 198,000 kenderaan setakat 12 Jun 2024 | https://www.dagangnews.com/article/kerajaan-luluskan-subsidi-diesel-kepada-lebih-198000-kenderaan-setakat-12-jun-2024-38105 | DAGANG NEWS |
| 14-Jun | 59,940 syarikat melibatkan 198,046 kenderaan berdaftar SKDS setakat semalam | https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/13/59940-syarikat-melibatkan-198046-kenderaan-berdaftar-skds-setakat-semalam | UTUSAN BORNEO |
| 14-Jun | 59,940 SYARIKAT MELIBATKANN 198,046 KENDERAAN BERDAFTAR SKDS SETAKAT SEMALAM - KPDN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2307532 | BERNAMA |
| 14-Jun | Subsidised diesel control system: 59,940 firms involving 198,046 vehicles receive subsidy as of Wednesday, says minister | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/13/subsidised-diesel-control-system-59940-firms-involving-198046-vehicles-receive-subsidy-as-of-wednesday-says-minister/139583 | MALAY MAIL |
| 14-Jun | 59,940 companies involving 198,046 vehicles receive diesel subsidy under SKDC as of Wednesday, says minister | https://www.theborneopost.com/2024/06/13/59940-companies-involving-198046-vehicles-receive-diesel-subsidy-under-skdc-as-of-wednesday-says-minister/ | THE BORNEO POST |
| 14-Jun | Armizan: Diesel subsidy under control system approved for 59,940 companies involving 198,046 vehicles | https://www.theedgemalaysia.com/node/715376 | THE EDGE MALAYSIA |
| 14-Jun | 59,940 companies involving 198,046 vehicles receive diesel subsidy under SKDS as of Wednesday - Armizan | https://thesun.my/local-news/59940-companies-involving-198046-vehicles-receive-diesel-subsidy-under-skds-as-of-wednesday-armizan-PB12573862 | THE SUN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Jun | KPDN lulus 198,046 kenderaan terima subsidi diesel | https://www.sinarharian.com.my/article/669885/berita/nasional/kpdn-lulus-198046-kenderaan-terima-subsidi-diesel | SINAR HARIAN |
| 14-Jun | Hampir 200,000 kenderaan lulus permohonan sertai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi | https://www.buletintv3.my/nasional/hampir-200000-kenderaan-lulus-permohonan-sertai-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi/ | BULETIN TV3 |
| 14-Jun | SKDS: 198,046 kenderaan awam, barangan lulus subsidi diesel setakat semalam | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1258266/skds-198046-kenderaan-awam-barangan-lulus-subsidi-diesel-setakat | BERITA HARIAN |
| 14-Jun | 198,046 Kenderaan Diluluskan Subsidi Diesel Setakat 12 Jun 2024 | https://siakap-keli.my/2024/06/13/198046-kenderaan-diluluskan-subsidi- | SIAKAP KELI |
| 14-Jun | Penyeludup makan upah RM15 satu perjalanan seludup petrol | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1258273/penyeludup-makan-upah-rm15-satu-perjalanan-seludup-petrol | BERITA HARIAN |